

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2021**

**SOALAN**

**YB TUAN CHA KEE CHIN** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah yang bakal dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian ini selaras dengan konsep “Keluarga Malaysia”

**JAWAPAN**

1. **Semua Kementerian mempunyai peranan** dalam menggerakkan agenda dan program perpaduan **mengikut skop fungsi tugas masing-masing**. Manakala Kementerian Perpaduan Negara memainkan peranan sebagai peneraju kepada agenda perpaduan berpaduan **Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030** yang telah dilancarkan pada 15 Februari 2021.
2. Menyentuh tentang **konsep Keluarga Malaysia**, dalam konteks perpaduan, Kementerian ini sedang memuktamadkan **KAMI @ Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia** yang menekankan kepada isu dan permasalahan yang dirungkai berdasarkan hasil kajian dan **dibahagikan kepada empat (4) dimensi iaitu:**
  - a. **Karib;**
  - b. **Aksesibiliti;**
  - c. **Majmuk; dan**
  - d. **Inklusiviti.**
3. Dasar dan Pelan-pelan tindakan yang dibangunkan ini **merupakan suatu garis panduan yang tersusun bagi pelaksanaan program-program perpaduan** dalam usaha bersepadu melibatkan semua peringkat masyarakat untuk mencapai matlamat perpaduan sebagai sebuah keluarga Malaysia.